

30/08/2003

Membendung budaya samseng berleluasa

APAKAH niat dua pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang menunjukkan parang kepada warden asrama dalam insiden pada 18 Ogos lalu? Mungkin mahu menggertak saja tetapi perbuatan itu tetap salah dan menyeramkan sedang episod pelajar tingkatan lima disingkirkan berterusan. Dua pelajar MCKK itu adalah daripada sekumpulan lapan yang disingkir kerana masalah disiplin termasuk merokok, ponteng sekolah dan bergaduh. Mereka bertindak demikian kerana tidak puas hati tindakan warden yang merotan rakan mereka setelah didapati salah menceroboh asrama pelajar junior pada tengah malam. Sebelum ini, 20 pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Ipoh turut disingkirkan kerana terbabit dalam kegiatan ala samseng 'High Council' yang membuli dan mendera rakan junior. Pada 12 Ogos pula, kita dikejutkan dengan tindakan pelajar senior Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat yang membelasah Mohd Hafizi Jumari, hingga mengalami kecederaan parah.

Sebenarnya, perbuatan mendera pelajar muda atau baru, terutama di kampus universiti sudah lama terkubur. Walau apapun matlamatnya, perbuatan memaksa pelajar junior menggilap kasut, membeli makanan, mengalihkan tempat tidur dari katil ke sudut lain, menyapu ubat gigi pada muka ketika rakan nyenyak tidur dan diarah berlari pada tengah malam hingga dipaksa berendam di dalam kolam najis lembu adalah antara corak 'ragging' pada zaman 60-an hingga 80-an yang tidak lagi kedengaran hari ini. Namun, nampaknya kini kegiatan itu bertukar kepada tindakan membelasah ala samseng hingga mencederakan mangsa. Ini adalah selain masalah disiplin biasa membabitkan golongan pelajar dari kalangan keluarga berada.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menekankan jika pelajar terbabit tidak berminat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran, mereka patut disingkir. Ini kerana apabila mereka berkumpul, mereka menjadi berani dan mengganggu pelajar lain. Dr Mahathir berpendapat antara punca meningkatnya kegiatan gangsterisme di sekolah adalah pengaruh buruk tayangan terlalu banyak filem asing memaparkan keganasan dan adegan seks. Sebagai langkah awal, Kementerian Pendidikan memperkenalkan Laporan Adab Pelajar bagi memberi peluang ibu bapa menilai dan mengawasi kelakuan anak mereka.

Apa yang berlaku di MCKK - sekolah elit ditubuhkan pada 1905 yang terkenal sebagai pusat kecemerlangan dan melahirkan ramai pemimpin negara, tokoh masyarakat dan ahli korporat - amat memalukan. Dengan sistem jaringan dan pekerjaan hampir terjamin bagi lepasannya, pelajar sepatutnya mengekalkan tahap disiplin tinggi. Wajarliah kumpulan yang mengaibkan MCKK itu dikenakan hukuman setimpal.